

26 JUL 1997

SAMBUTAN HANGAT BAGI LID '97

Oleh: R. Ravichandran & Michael Raj

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi Ketiga (LID '97, yang bermula di sini Isnin, mendapat sambutan hangat dan pihak penganjur cuba meluangkan tempat bagi mereka yang menyertainya di saat-saat akhir.

Setiausaha bersama LID '97, Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman, berkata sejumlah 350 peserta, termasuk ramai ketua kerajaan dari seluruh dunia, tidak sabar-sabar untuk mencambah fikiran dan berkongsi ide dan dalam proses itu mewujudkan "perkongsian bijak".

"Kami jangkakan hanya 250, tetapi sekarang kami membuat persediaan pada saat-saat terakhir untuk menampung 100 orang lagi bagi dialog itu," katanya kepada Bernama ketika menyeliakan persediaan di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort di sini.

Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire, adalah ketua negara yang pertama tiba di sini semalam diikuti oleh Perdana Menteri Swaziland, Dr. Sibusiso B. Dlamini, dan Perdana Menteri Jordan, Dr. Abd Salam Al Majali hari ini.

Ketua-ketua kerajaan yang lain -- Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Namibia, Dr. Sam Nujoma dan Perdana Menteri Mauritius Dr. Navin Ramgoolam -- dijangka tiba esok.

Selain daripada ketua-ketua kerajaan, naib presiden, timbalan perdana menteri dan para menteri dari negara-negara seperti Malawi, Mozambique, Seychelles dan Ghana serta pemimpin korporat turut menyertai LID.

Menjelaskan lebih lanjut tentang tema tahun ini, "Smart Partnership in Action," Dr. Omar, yang juga penasihat sains kepada Perdana Menteri, berkata peserta-peserta akan berkongsi sekurang-kurangnya 25 pengalaman perkongsian bijak.

"Kita ingin pelajari apa yang menjadikan perkongsian bijak berjaya dan bagaimana ia boleh digunakan sepanjang masa," katanya.

Konsep perkongsian bijak -- menggabungkan kerajaan, syarikat dan pekerja untuk menjalankan perniagaan dalam konteks antarabangsa -- mula diperkenalkan pada LID 1995.

Ini kemudiannya meletakkan asas bagi gelombang perniagaan baru dan mencetuskan amalan pengurusan berinovasi bagi masa depan, berdasarkan apa yang dianjurkan oleh Dr. Mahathir selama ini, iaitu falsafah memakmurkan jiran.

Jika dialog pertama dan kedua memberi tumpuan kepada meneroka konsep perkongsian bijak, LID '97 akan mengkaji kejayaan dalam amalan perkongsian bijak.

"Kita bercakap tentang tindakan dalam LID '97," kata Dr. Omar. --

BERNAMA

RV MR KY MA